

Agensi diarah sedia hadapi bencana banjir

Johor Bahru: Tan Sri Muhyiddin Yassin mengarahkan semua agensi yang terbabit dalam pengurusan banjir di seluruh negara bersiap sedia menghadapi bencana itu yang dijangka berlaku lebih awal tahun ini.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Pengerusi Majlis Keselamatan Negara (MKN), berkata amaran Jabatan Meteorologi bahawa banjir akan melanda lebih awal tahun ini menuntut semua agensi berkaitan bersiap sedia dengan logistik masing-masing.

“Kita sudah membuat persiapan di peringkat negeri dan semua kawasan, bagi menghadapi banjir daripada segi peralatan, logistik dan pusat pemindahan sebagai langkah persiapan berikutan cuaca tidak menentu.

“Selain itu simpanan makanan juga sudah dilaksanakan bagi memastikan bekalan mencukupi. Kita juga mengingatkan orang ramai sentiasa mematuhi arahan dan panduan banjir,” katanya selepas merasmikan Karnival Keusahawanan dan Pendidikan Johor, di Kompleks Sukan Pagoh, dekat sini.

Turut hadir Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.